

27 JUL 1999

LID-Media

SAYA TIDAK MENENTANG MEDIA BARAT, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 27 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini beliau tidak menentang media Barat secara keseluruhannya tetapi mengkritik laporan mereka yang tidak bertanggungjawab.

Beliau berkata laporan yang tidak bertanggungjawab dan hanya menunjukkan aspek negatif boleh memberikan kesan buruk kepada ekonomi.

Bagi Malaysia, katanya rangkaian televisyen seperti Cable News Network (CNN) pada suatu masa terus melaporkan keganasan di Kuala Lumpur sepanjang hari dan selama empat hari gambar seumpama itu, seolah-olah negara itu berada dalam kacau bilau, walaupun apa yang berlaku sebenarnya adalah kejadian yang terpencil di beberapa bahagian di Kuala Lumpur.

Akibatnya ia memberikan gambaran yang tidak benar kepada dunia luar dan apabila para pelancong membatalkan kedatangannya ke Malaysia, ia memberi kesan kepada pendapatan negara, katanya

Beliau menjawab soalan daripada Editor BBC World Service bagi kawasan Asia Tenggara, Asia dan Rantau Pasifik Chris Greene semasa sidang berita pada hari terakhir Dialog Antarabangsa Langkawi (LID '99) hari ini di sini.

"Kita mahu mengucapkan terima kasih kepada mereka kerana menunjukkan keganasan Serb di Bosnia dengan gambar-gambar yang jelas dan membuatkan dunia sedar keganasan yang berlaku di sana dan tindakan yang perlu diambil.

"Saya memberikan pujian kepada media tersebut," kata Dr Mahathir.

Beliau juga menyebut bagaimana gambar yang ditunjukkan oleh CNN tentang seorang tentera Britain yang sangat marah apabila dia mendapati rumahnya musnah dibakar oleh Serb.

"Saya tidak menentang media Barat secara keseluruhannya tetapi ada ketikanya mereka melaporkan perkara tidak baik yang memberi kesan kepada negara," katanya.

Beliau juga menegur "New York Times" sebagai antara media yang melaporkan perkara yang tidak bersesuaian dengan negara dan pemimpinnya.

"Akhbar itu mendakwa saya tidak tahu apa-apa tentang kewangan, ekonomi dan bagaimana untuk menguruskan negara," katanya.

Dr Mahathir berkata media asing sekurang-kurangnya harus memperakui kenyataan bahawa beliau berjaya menguruskan sebuah negara dengan 22 juta penduduknya.

"Sekurang-kurangnya akuilah bahawa kita tidaklah bodoh.

"Mereka tidak pernah memperakui kejayaan kita dan banyak perkara yang saya lakukan dengan betul tidak pernah dilaporkan," katanya.

Menjawab soalan daripada media tempatan, Dr Mahathir berkata media tempatan harus melaporkan perkara yang benar.

"Mereka harus mengkritik kerajaan apabila kita berbuat perkara salah. Apabila kita tidak melakukan perkara yang betul jangan beri pujian, beritahu kita yang kita tidak melakukan perkara yang betul.

"Masalah di Malaysia, tidak banyak perkara sebenar yang dilaporkan oleh akhbar vernakular seperti akhbar Tamil dan Melayu," katanya.

Dr Mahathir berkata Harakah, sebagai contoh, tidak pernah menyatakan perkara yang sebenar.

"Mereka boleh menyatakan apa saja yang mereka mahukan tetapi terdapat pepatah Melayu yang menyatakan "anjing menyalak bukit tidak akan runtuh", katanya.

-- BERNAMA

JM RI

